

# EmpowerHer: Memperkasa Usahawan Wanita PMKS Melalui Pemasaran Digital Kandungan Kreatif

## Description

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
The National University of Malaysia

**WIRARATIF BAHARU UKM**  
**UNIVERSITI ATAN KITA**

**FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT**  
Faculty of Information Science and Technology

**MC**

**M**  
MTAS PRODUCTION

**UKM**

**EmpowerHER**

**Menguasai Pemasaran Digital Melalui Kandungan Kreatif**  
Fotografi & Videografi

**anda usahawan WANITA PMKS?**  
(Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana)

**PERCUMA!**

**TEMPAT ADALAH TERHAD!**

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

- Warganegara Malaysia
- Terbuka kepada semua usahawan wanita PMKS di Malaysia yang berdaftar - ibu tunggal dan OKU diutamakan
- Perniagaan dijalankan dalam talian sama ada menggunakan platform media sosial mahupun laman web

Tawaran menyertai program akan dimaklumkan melalui emel / WhatsApp

**PENCERAMAH**  
Prof. Madya Dr. Wan Mohd Hirwani B. Wan Hussain  
Pengarah Inovasi@UKM

**INSTRUKTOR**  
En. Azfar Hamdi Mohd Saidi  
Pengarah Operasi MTAS Production Sdn Bhd

**SEMBANG SANTAI**  
En. Tabah Sazwan Othman  
Prinsipal Brainstorm Council

**SABTU**  
21 OKTOBER  
2023

**8:30 AM - 5:00 PM**

**BANGI RESORT HOTEL**

**DAFTAR DISINI**

**Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi :**  
📞 **Danial (011-56590701) Atyka (011-29042140)**  
✉️ **danial7101@gmail.com Atykaalyaa@gmail.com**

📷 @VICFTSM    📺 @VIDEO CLUB- VIC FTSM

Seiring dengan perkembangan pesat teknologi digital, pemasaran dalam bentuk visual kini menjadi elemen penting bagi menarik perhatian pelanggan dan meningkatkan kesedaran jenama. Justeru, satu bengkel “Pemasaran Digital di Aplikasi Tik Tok” Penghasilan Kandungan Kreatif Grafik• dirangka khusus untuk membantu usahawan wanita Perusahaan Kecil dan Sederhana (PMKS) terutama ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU) untuk menguasai teknik pemasaran digital melalui penghasilan kandungan kreatif yang inovatif dan berkesan. Bengkel ini telah diadakan di Bangi

Resort Hotel pada 21 Oktober 2023, dan dihadiri oleh 22 orang peserta dari negeri Selangor dan telah dirasmikan oleh dekan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Prof. Madya Dr Nurhizam Shafie Mohd Satar. Kolaborasi industri dan kepakaran UKM turut terlibat bagi menjayakan bengkel ini iaitu Prof Madya Dr wan Mohd Hirwani bin Wan Hussain dari Inovasi@UKM, En. Azfar Hamdii Mohd Saidi dari MTAS Production dan En. Tabah Sazwan Othman dari Brainstorm Media Network. Program yang membawa *tagline* **EmpowerHer** ini telah mencapai objektif yang digariskan iaitu: 1) Mendidik peserta tentang pelbagai jenis strategi pemasaran melalui video. 2) Memberikan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang fotografi dan videografi kepada peserta. 3) Membantu peserta dalam mencipta kandungan video untuk pemasaran. 4) Melatih cara menerbitkan kandungan video pemasaran ke rangkaian sosial mereka. Secara keseluruhannya, bengkel ini bukan sahaja bermanfaat kepada usahawan wanita PMKS yang terlibat tetapi juga membuka peluang kepada ahli VIC untuk meningkatkan kemahiran mereka dan berkolaborasi dengan rakan industri bagi menjayakan program keusahawanan yang lebih mantap.





Oleh:  
**Masura Rahmat**  
[masura@ukm.edu.my](mailto:masura@ukm.edu.my)

Pengarang Bersama:  
**Nurhidayah Bahar**  
**Syahanim Mohd Salleh**  
**Tengku Siti Meriam Tengku Wook**  
**Hadi Affendy Dahlan**

## Category

1. Berita Fakulti

## Date Created

2024/12/13

## Author

root